



## SOALAN LAZIM - KEMASKINI FASILITI KAD DEBIT & MYBSN BAGI PELANGGAN BERSTATUS BANKRAP

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah perubahan terbaru yang dilaksanakan oleh BSN?	BSN telah mengemaskini garis panduan di mana pelanggan yang berstatus bankrap tidak lagi dibenarkan menggunakan fasiliti Kad Debit dan Perbankan Internet myBSN.
2.	Siapakah yang terlibat dengan perubahan ini?	Perubahan ini terpakai kepada semua pelanggan BSN yang direkodkan sebagai bankrap dalam rekod Bank.
3.	Bilakah perubahan ini akan berkuat kuasa?	Perubahan ini telah berkuat kuasa bermula dari 20 Disember 2024. Pelaksanaan dilakukan secara berperingkat, dan penamatan sepenuhnya bagi fasiliti tersebut pada 7 Mei 2026.
4.	Apakah yang akan berlaku kepada kad debit dan akaun myBSN saya?	Fasiliti kad debit dan akses kepada myBSN akan ditamatkan bagi pelanggan yang berstatus bankrap. Walau bagaimanapun, anda masih boleh meneruskan urusan perbankan seperti biasa di mana-mana Cawangan BSN yang berhampiran. Kakitangan kami sedia membantu anda.
5.	Saya tidak lagi berstatus bankrap. Apakah yang perlu saya lakukan?	Anda dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang mengesahkan status terkini anda kepada BSN dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pemakluman ini melalui SMS dan surat dikeluarkan.
6.	Apakah jenis dokumen yang diperlukan?	Dokumen rasmi yang membuktikan bahawa anda tidak lagi berstatus bankrap, seperti surat pelepasan daripada Jabatan Insolvency Malaysia (JIM).
7.	Bagaimanakah cara untuk mengemukakan dokumen tersebut?	Dokumen boleh dikemukakan melalui mana-mana cawangan BSN atau emel kepada <a href="mailto:customercare@bsn.com.my">customercare@bsn.com.my</a> .  Nota: Saiz dokumen yang dilampirkan melalui emel hendaklah dalam format PDF dengan saiz kurang dari 3MB. Bagi setiap emel yang diterima, pelanggan akan menerima emel akuan terima secara automatic.
8.	Apakah yang akan berlaku kepada akaun simpanan BSN saya selepas saya dibebaskan daripada kebangkrapan?	Bagi pelanggan yang telah dilepaskan daripada status mufis oleh Jabatan Insolvency Malaysia (JIM), Bank akan menutup akaun simpanan yang dikendalikan di bawah arahan JIM.  Pelanggan boleh membuka akaun simpanan baharu, tertakluk kepada keperluan pembukaan akaun semasa yang ditetapkan oleh Bank, serta fi dan caj berkaitan seperti yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat yang terpakai bagi akaun simpanan, Kad Debit dan kemudahan Perbankan Internet BSN.  Setelah pembukaan akaun berjaya dilakukan, Kad Debit baharu boleh dikeluarkan dan pengaktifan myBSN hendaklah dibuat mengikut syarat dan prosedur semasa yang ditetapkan oleh Bank.
9.	Apakah yang berlaku jika saya tidak mengemukakan dokumen sebelum tarikh yang ditetapkan?	Fasiliti kad debit dan akses myBSN anda akan ditamatkan.



No.	Soalan	Jawapan
10.	Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	<p>Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman web rasmi BSN seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Terma dan Syarat Kad Debit Visa BSN Perbankan Islam &gt; Kad-i &gt; Kad Debit Visa BSN &gt; Terma dan Syarat Kad Debit BSN</b>  <a href="#">Terma dan Syarat Kad Debit BSN</a></li> <li>2. <b>Terma dan Syarat Perbankan Internet myBSN dan Aplikasi myBSN Mobile</b>  <a href="#">Terma dan Syarat myBSN dan Aplikasi Mudah Alih myBSN</a></li> </ol>